

MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG
[www.mppp.gov.my]

TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang berkenaan serta dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Malaysia dan masih dibenarkan untuk menyertai tender seperti berikut:-

<i>PERKARA</i>	<i>KELAYAKAN</i>
MEMBEKAL, MENGHANTAR, MENGUJI, MENDAFTAR DAN MENTAULIAHKAN DUA-(2) UNIT <i>MINI MULTI LIFT TRUCK C/W MULTI LIFT BIN</i> UNTUK MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG [Bhg. Perkhidmatan Perbandaran, Jbt. Perkhidmatan Perbandaran, Kesihatan Awam & Pelesenan]	Berdaftar Dengan KKM Kod Bidang Pendaftaran 110103 atau 110104 atau 110106 atau 110199
TAKLIMAT : <u>Isnin, 24 Mac 2014, Jam 10.30-11.30 pagi</u> di Bilik Mesyuarat, Bhg. Mekanikal & Elektrikal, Jbt. Kejuruteraan, MPPP, Jln. Gurdwara, 10300 George Town, Pulau Pinang. [Pendaftaran : 10.00-10.30 pagi]	
HARGA DOKUMEN : RM50.00/set	
TARIKH TUTUP : <u>Isnin, 14 April 2014, JAM : 12.00</u> tengahari	

2. Pemilik / Wakil syarikat diwajibkan menghadiri taklimat sebelum membeli dokumen tender. Pemilik / Wakil syarikat yang tidak menghadiri taklimat atau hadir selepas masa pendaftaran tidak layak mengambil bahagian dalam tender ini.
3. Syarikat perlu berdaftar dengan Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui laman web ep.penang.gov.my untuk menyertai tender. Dokumen tender dijual secara *on-line* melalui laman web tersebut dan perlu dibeli serta dimuat turun (*download*) melalui akaun Perolehan masing-masing sebagai pengesahan pembelian
4. Dokumen meja boleh dilihat di Kaunter Urusetia Tender, Jabatan Korporat, Tingkat 17, KOMTAR pada waktu pejabat. [9.00 pagi-4.00 petang].
5. Dokumen tender yang telah dilengkapi hendaklah dimasukkan kedalam Peti Tender di Kaunter Penerangan, MPPP, Tingkat 3, KOMTAR, Pulau Pinang sebelum jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup yang berkenaan. Pertimbangan tidak akan diberi kepada tender yang lewat diterima.
6. Syarikat yang menyertai tender adalah dibenarkan untuk menyaksikan pembukaan tender pada tarikh dan masa tutup yang ditetapkan. Pengumuman harga hanya akan dibaca bagi tender yang bersesuaian sahaja tertakluk kepada kebenaran / justifikasi Jawatankuasa Pembuka Tender.
7. Syarikat yang menyertai tender diwajibkan melengkapkan Surat Akaun Pembida.
8. Salinan Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat daripada Kementerian Kewangan Malaysia hendaklah disertakan bersama dengan dokumen tender.
9. Majlis tidak terikat untuk menerima tender yang paling terendah harganya atau sebarang tender.

SETIAUSAHA PERBANDARAN
MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG

TARIKH _____ : 09 Jamadilawal 1435
BERSAMAAN : 11 Mac 2014.